

Malaysia, Maldives tandatangani MoU

MALE - Malaysia dan Maldives menandatangani empat memorandum persefahaman (MoU) untuk memperkukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara, pada Selasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dalam lawatan ke negara ini dan Presiden Maldives Abdulla Yameen Abdul Gayoom menandatangani pemeteraian MoU itu.

Memorandum bagi kerjasama dalam bidang latihan kebombaan dan menyelamat ditandatangani Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Pertahanan dan Keselamatan Negara Maldives, Adam Shareef Omar.

MoU bagi kerjasama dalam bidang kesihatan ditandatangani Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr S Subramaniam dan rakan sejawatnya daripada Maldives, Abdulla



Najib memeriksa barisan Pasukan Pertahanan Kebangsaan Maldives yang menyambut ketibaannya ketika lawatan rasmi dua hari di Maldives, kelmarin.

Nazim Ibrahim.

MoU penubuhan Pusat Kebudayaan Maldives di Malaysia ditandatangani Timbalan Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Menteri Luar

Maldives, Dr Mohamed Asim manakala kerjasama bidang pendidikan tinggi diwakili Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Pendidikan Maldives, Dr Aishath Shiham. - *Bernama*